

10 JUL 1997

200 PENGGEMAR PENERBANGAN KE LANGKAWI BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Kira-kira 200 penggemar penerbangan dijangka mengambil bahagian dalam Langkawi Fly In, konvensyen dan rali pesawat ringan Oshkosh East 1997 di Langkawi pada 4 hingga 8 Ogos ini.

Langkawi Fly In adalah konvensyen pesawat ringan yang pertama pernah dianjurkan di Asia dan ia menawarkan peluang untuk mempamerkan sukan penerbangan sebagai hobi.

Yusof Manan, pengarah eksekutif Le Proton LIMA Sdn Bhd, penganjur acara itu, memberitahu persidangan berita di sini hari ini bahawa objektif pertunjukan itu adalah untuk menyediakan satu program bagi remaja memupuk minat dalam sukan penerbangan.

Beliau berkata setakat ini 125 pesawat dari Malaysia, Australia, Afrika Selatan, United Kingdom, Itali, Singapura, Indonesia, Perancis, Republik Czech, Thailand, Belanda dan Amerika Syarikat mengesahkan penyertaan dalam Fly In dan Rali Udara Malaysia.

Langkawi Fly In, Oshkosh East 1997 dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Acara lima hari itu juga meliputi persembahan udara, seminar, forum dan pameran, bengkel praktikal dan pertandingan penerbangan.

-- BERNAMA

APG AKD